

Dinamika Politik Pilihan Raya Di Kawasan DUN Paroi, Rembau, Negeri Sembilan

Dynamics of Political Electoral in the State Legislative Assembly Area of Paroi, Rembau, Negeri Sembilan

Siti Sarah Syazwani Mizul

¹Junaidi Awang Besar

Program Geografi
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi,
Selangor, Malaysia

Correspondence email: hjab@ukm.edu.my

ABSTRAK

Keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 telah menyaksikan buat pertama kalinya parti pembangkang iaitu Pakatan Harapan (PH) berjaya menewaskan Barisan Nasional (BN) di Negeri Sembilan yang merupakan kubu kuat bagi parti politik tersebut. Kemenangan yang diperoleh PH inimenunjukkan berlakunya dinamika politik yang menarik dan bervariasi yang bersandarkan kepada pengaruh isu, sentimen semasa, kepimpinan, dan strategi kempen. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis kepelbagaian faktor yang menyumbang kepada dinamika politik di kawasan DUN Paroi, Rembau, Negeri Sembilan yang dilihat sering berlakunya pola perubahan sokongan di kawasan tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan yang melibatkan soal selidik, temu bual dan pemerhatian di lapangan. Teknik menganalisis data digunakan dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 18.0. Hasil kajian mendapati bahawa 96 peratus responden menganggap perubahan politik mencerminkan keperluan atau aspirasi rakyat. Seterusnya, 85 peratus responden menganggap Kerajaan Perpaduan sekarang betul-betul berkhidmat untuk rakyat dan bukannya masih berpolitik untuk mengekalkan kuasa semata-mata dan 85 peratus responden menerima pembentukan Kerajaan Perpaduan yang diterajui Datuk Seri Anwar Ibrahim. Seterusnya, 90 peratus responden menyatakan fahaman politik kepartian memberi kesan kepada pilihan politik di kawasan kajian. Hasil kajian jugamendapati bahawa kesemua 50 peratus responden merasakan pemilihan parti politik memberi kesan kepada pembentukan kerajaan. Kesimpulannya, kajian ini penting kerana dapat menambah ilmu pengetahuan, menambah data berkaitan kajian politik pilihan raya dan diharap menjadi rujukan kepada parti politik dan pihak kerajaan supaya dapat meneliti isu dan permasalahan yang berlaku agar lebih peka dalam memenuhi keperluan masyarakat sebaik mungkin.

Kata kunci: fahaman politik, parti politik, dinamika politik, perpaduan, pilihan politik

ABSTRACT

The results of the 2018 General Election (GE) have seen for the first time the opposition party, Pakatan Harapan (PH) succeed in defeating Barisan Nasional (BN) in Negeri Sembilan which is a stronghold for the political party. The victory obtained by PH shows the occurrence of interesting and varied political dynamics based on the influence of issues, current sentiments, leadership, and campaign strategies. Therefore, the purpose of writing this article is to analyze the diversity of factors that contribute to political dynamics in the State Legislative Assembly area of Paroi, Rembau, Negeri Sembilan which is seen to often occur in the pattern of support changes in the area. This study uses field data collection methods that involve questionnaires, interviews and observation in the field. Data analysis techniques were used using the software of Statistical Package for Social Science (SPSS) version 18.0. The results of the study found that 96 percent of respondents considered political change to reflect the needs or aspirations of the people. Next, 85 percent of respondents consider the current Unity Government to really serve the people instead of still playing politics to maintain their power alone and 85 percent of respondents accept the formation of the Unity Government led by Datuk Seri Anwar Ibrahim. Next, 90 percent of the respondents stated that party politics had an impact on political choices in the study area. The results of the study also found that all 50 percent respondents felt that the election of political parties had an impact on the formation of the government. In conclusion, this study is important because it can add knowledge, add data related to the study of election politics and is expected to be a reference for political parties and the government so that they can examine the issues and problems that occur in order to be more sensitive in meeting the needs of the community as best as possible.

Keywords: political understanding, political parties, political dynamics, unity, political choice

1. Pengenalan

Demokrasi merupakan suatu bentuk pemerintahan dengan kuasa menggubal undang-undang dan struktur kerajaan yang ditentukan oleh rakyat. Dalam sistem demokrasi, pilihan raya merupakan elemen yang penting dalam menentukan tahap demokrasi di sesebuah negara (Izairuddin, Nadzri & Jamaie 2022). Dalam era negara bangsa, amalan demokrasi langsung seperti yang diamalkan di Athen tidak lagi dipraktikkan pada masa kini kerana dilihat merupakan suatu perkara yang mustahil. Oleh itu, dalam demokrasi moden, rakyat tidak terlibat secara langsung dalam membentuk dasar kerajaan atau negara, tetapi sebaliknya rakyat berperanan dalam memilih pemimpin yang akan bertanggungjawab dalam proses pembuatan undang-undang dan dasar kerajaan.

Dalam pada itu, Malaysia yang merupakan sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian etnik, budaya, dan politik menyaksikan senario politik yang sentiasa berubah dan dinamik. Sebagai sebuah negara berparlimen bersistem demokrasi, proses politik Malaysia melibatkan keikutsertaan rakyat dalam pemilihan umum untuk memilih wakil mereka dan memberikan mandat kepada individu atau parti politik yang mereka percayai untuk mewakili dan memperjuangkan kepentingan mereka di parlimen. Dalam sistem demokrasi berparlimen, rakyat adalah penentu kepada pembentukan kerajaan melalui pilihan raya umum yang diadakan setiap lima tahun sekali. Pilihan raya mula diperkenalkan di Tanah Melayu sejak sebelum merdeka iaitu pilihanraya pertama Tanah Melayu telah diadakan padatahun 1955.

Negeri Sembilan, yang terletak di tengah-tengah Semenanjung Malaysia, turut menyaksikan dinamika politik yang unik di peringkat negeri. Dengan campuran komuniti etnik yang pelbagai seperti Melayu, Cina, India dan Orang Asli, politik tempatan cenderung mencerminkan keperluan dan kehendak masyarakat setempat. Isu seperti pembangunan ekonomi, pendidikan, kesihatan dan kelestarian alam sekitar sering menjadi tumpuan dalam senario politik negeri ini.

Pilihan raya merupakan satu proses yang kritikal dalam dinamika politik sebuah kawasan. Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Paroi, Rembau, Negeri Sembilan tidak terkecuali dari pengaruh dan perubahan yang berlaku dalam arena politik tempatan. Dinamika politik pilihan raya di kawasan ini mencakupi sejumlah faktor yang mempengaruhi keputusan pemilih, strategi calon dan impak kepada perubahan politik. Justeru itu, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis dinamika politik pilihan raya di kawasan DUN Paroi, Rembau, Negeri Sembilan.

2. Sorotan Literatur

Kajian lepas daripada buku, jurnal, tesis, laporan, akhbar, prosiding dan juga kajian terkini yang pernah dikaji oleh pengkaji sebelumnya digunakan bagi ulasan literatur. Kesemua sumber ini merupakan kajian ilmiah yang kritis bagi menjawab permasalahan kajian mengikut isu tertentu. Umumnya, terdapat banyak kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji luar negara dan dalam negara mengenai politik pilihan raya untuk bacaan kepada pelbagai pihak. Justeru itu, bahagian ini akan menjelaskan kajian lepas berkaitan politik pilihan raya luar negara, dalam negara dan di negeri kajian iaitu Negeri Sembilan.

Bagi kajian politik pilihan raya luar negara, Takeshita dan Mikami (1995) menerangkan bagaimana pengaruh media massa mempengaruhi pilihan pengundi sehingga menoktahkan pemerintahan yang diterajui oleh Parti Liberal Demokrat (LDP) pada pilihan raya umum Jepun 1993. Hasil kajian menunjukkan terdapat ketidakseimbangan ke atas penyebaran kempen melalui medium media massa pada ketika itu yang memberi kelebihan ke atas parti penentang lain dan hal ini juga mempengaruhi persepsi pengundi terhadap LDP. Aurel Croissant & Pojar (2005) menyatakan pilihan raya umum Thailand pada 2001 yang dimenangi oleh Parti Thai Rak Thai (TRT) yang menjalankan kempen pemilihan paling mahal dan sangat *populist* dalam sejarah Thailand akan membawa kepada kemerosotan ekonomi, persaingan parti yang kuat dan juga keraguan dalam ketelusan, kualiti dan akauntabiliti Parti TRT. Pengkaji menjangkakan bahawa faktor ini berkemungkinan akan memberi transformasi politik pilihan raya di Thailand kelak. Patricia (2014) menerangkan perubahan landskap politik di Honduras dirampas oleh kudeta yang diketuai Roberto Micheletti dalam menggulingkan pemerintahan Presiden Manuel Zelaya. Pilihan raya umum Honduras pada 2013 juga menyaksikan kemunculan Parti Baharu yang bertanding yang membawa ideologi politik yang terkini dan ianya juga mengubah dinamika politik Honduras terhadap pencapaian dan situasi sosio ekonomi negara yang menyebabkan sokongan terhadap parti pemerintah berkurang dan rakyat lebih cenderung untuk menyokong parti politik yang mampu membela nasib mereka. Dalam pada itu, Turner et al (2018) menjelaskan penggunaan sentimen keagamaan, perkauman dan juga kebencian dalam kalangan Amerika Syarikat terhadap Hilary Clinton menyebabkan Clinton tewas di tangan Trump dalam Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat 2016. Kajian politik luar negara oleh Patterson (2020) mengatakan bahawa agenda media yang kerap memaparkan imej seseorang calon presiden secara konsisten memberikan impak kepada penilaian pengundi.

Bagi kajian politik dalam negara, MC Gee (1962) mendapati etnik merupakan salah satu faktor

terpenting dalam proses politik di Malaysia di mana sesebuah parti itu dikuatkan lagi dengan perletakkan calon daripada etnik tertentu untuk satu kawasan pilihan raya dimana etnik tertentu adalah dominan. Menurut Edmund (1996), kemenangan besar BN dalam PRU 1995 adalah disebabkan faktor populariti dan kepimpinan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri, kesetiaan Orang Melayu kepada UMNO, kesesuaian politik permuafakatan dalam BN selari dengan demografi berbilang kaum di Malaysia. Ilias (2011) menjelaskan pembangunan sosio ekonomi adalah kriteria yang dilihat dalam menentukan sama ada Kerajaan Negeri Kelantan sedia ada berhak diberikan mandat mentadbir negeri atau tidak. Malah dasar pentadbiran Kelantan juga berasaskan Islam mendapat perhatian serta sokongan pengundi di Kelantan. Junaidi (2015) menyatakan bahawa media baharu dan internet telah merubah landskap pilihan raya di Malaysia. Lim (2018) menyatakan bahawa penyebaran maklumat dan isu melalui internet boleh meningkatkan sokongan rakyat kepada PH dalam membentuk persepsiseterusnya sentimen bagi menjatuhkan BN dalam PRU 2018. Isu sensasi seperti GST, skandal 1MDB, peningkatan kos sara hidup dan peluang pekerjaan yang terhad boleh dijadikan momentum dalam mencetuskan gelombang penolakan rakyat terhadap BN.

Kajian politik pilihan raya di Negeri Sembilan pula, Ab. Rahim (1995) menjelaskan bahawa kemenangan BN dalam PRU 1995 di peringkat nasional dan Negeri Sembilan adalah disebabkan gandingan yang mantap antara Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dilihat memajukan ekonomi serta mengharmonikan perpaduan kaum negara sehinggalah tahun 1995. Negeri Sembilan terus menjadi kubu kuat BN di kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan sukar digugat oleh parti politik lain dimana Negeri Sembilan dilihat berjaya menyapu bersih kesemua tujuh kerusi Parlimen dan 32 DUN di negeri ini (Yusop Khan 2000). Menurut Wong (2001) isu pembangunan dan perkhidmatan yang diberikan oleh sesebuah parti dan calon pilihan raya merupakan penentu utama bagi seseorang pengundi untuk menyokong parti yang bertanding. Sara (2018) menjelaskan fungsi platform media sosial terutamanya Facebook dilihat semakin menjadi tumpuan seiring dengan waktu dalam menjadi 'pusat maklumat' rakyat Malaysia terutama pada kempen Pilihan Raya Umum ke-14. Bukti yang paling jelas ialah insiden calon pakatan pembangkang tidak dapat menjadi calon di kerusi Dewan Undangan Negeri Rantau, Negeri Sembilan adalah disebabkan gagal untuk menunjukkan pas pengenalan diri yang dikeluarkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk masuk ke dewan penamaan calon. Ahmad Kamal et al. (2019) menjelaskan bahawa faktor kejatuhan BN pada PRU-14 di Negeri Sembilan adalah disebabkan isu nasional yang turut mempengaruhi keputusan pilihan raya di negeri lain.

3. Metodologi

3.1 Kaedah pengumpulan data

Bagi menyempurnakan penyelidikan ini, dua jenis sumber data iaitu sumber data primer dan sumber data sekunder telah digunakan. Sumber data primer ialah sumber maklumat yang diperoleh melalui kajian lapangan. Sumber ini adalah terhad. Oleh hal yang demikian, penggunaan sumber data sekunder sangat penting untuk menyokong dan mengukuhkan lagi dapatan yang diperoleh daripada data primer. Bagi kaedah pengumpulan data primer, satu set borang soal selidik telah diedarkan iaitu secara atas talian dan bersemuka dengan pergi ke setiap rumah penduduk di kawasan daerah mengundi yang dipilih iaitu Daerah Mengundi Paroi (luar bandar) dan Taman Satria (bandar/pekan). Borang soal selidik ini mengandungi soalan berbentuk terbuka dan tertutup.

Seterusnya, kaedah temu bual yang telah dilakukan bertujuan untuk memperoleh maklumat berkaitan dinamika atau perubahan politik pilihan raya di kawasan kajian. Informan yang ditemu bual dalam kajian ini mewakili ahli parti politik yang berjawatan dalam berlainan parti bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai politik semasa. Kaedah ini sesuai digunakan kerana ianya kaan menjadi antara sumber utama (sumber primer) untuk menghasilkan kajian lengkap berkaitan dinamika politik pilihan raya di kawasan DUN Paroi, Rembau, Negeri Sembilan.

Pemerhatian di lapangan juga dijalankan pengkaji kerana kaedah ini merupakan salah satu kajian kualitatif. Kaedah ini salah satu alternatif bagi mendapatkan maklumat selain daripada soalselidik dan temu bual. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat meneliti tingkah laku pengundi di DUN Paroi dan melihat pelbagai ragam mereka. Setiap pemerhatian yang dibuat mempunyai tujuan tertentudan pemerhatian dilakukan dengan sistematik. Biasanya ciri yang diperhati adalah sangat terperinci bagi mendapatkan keputusan yang tepat. Dengan itu catatan dan bukti yang tepat serta sah direkodkan untuk digunakan dalam hasil kajian.

Di samping itu, data sekunder iaitu buku ilmiah, majalah, artikel jurnal, makalah dalam akhbar, risalah, kertas seminar dan persidangan serta laporan penyelidikan digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai kesedaran tingkah laku pengundi. Bukan itu sahaja, pengkaji juga pergi ke Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) bagi mendapatkan sumber rujukan dengan lebih banyak. Bahan

seperti tesis dan latihan ilmiah pengkaji terdahulu juga digunakan pengkaji.

Bukan itu sahaja, pengkaji juga turut menggunakan bahan kajian atas talian (online) bagi mendapatkan maklumat tambahan. Sumber maklumat ini diambil daripada internet yang sah dan boleh dipercayai sebagai pelengkap buat sumber primer. Antara contoh kajian atas talian adalah seperti laman web, akhbar online, *Whatsapp*, *Youtube*, *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *Blog* dan sebagainya. Kaedah kajian atas talian ini sememangnya memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat dengan pantas.

3.2 Analisis data


Metod analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis deskriptif dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Data hasil kaedah kualitatif pula akan dilakukan secara lisan (perbualan) dan jawapan direkod oleh penyelidik secara bertulis, menggunakan rakaman dan video. Data akan ditranskrip mengikut informan yang memberikan respon semasa temu bual dilakukan. Maklumat sekunder pula digunakan untuk mengukuhkan dapatan kajian supaya mencapai standard kajian.

3.3 Kawasan kajian

Dalam menjalankan kajian yang lebih terperinci, ianya memerlukan satu kawasan kajian untuk dirujuk. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan di Paroi yang merupakan DUN dalam Parlimen Rembau, Negeri Sembilan, Malaysia dan mempunyai keluasan kira-kira 104 kilometer persegi dengan anggaran penduduk seramai 110 ribu orang. Paroi dengan latitud (2.723648°N) dan longitud ($101.993174^{\circ}\text{E}$) mempunyai sepuluh kawasan Daerah Mengundi. Antaranya Paroi, Taman Satria, Taman Tuanku Jaafar, Taman Sri Permata, Kombok, Taman Tasik Jaya, Bukit Seri Senawang, Taman Kobena, Senawang Jaya dan Taman Marida (Lihat Rajah 1). Jumlah penduduk DUN ini merangkumi

93.9 peratus warganegara Malaysia dan 6.1 peratus bukan warganegara. Warganegara DUN Paroi terdiri daripada 83 peratus Bumiputera, Cina 5.2 peratus, India 11.4 peratus dan lain-lain 0.4 peratus. Dun Paroi ini mempunyai kepadatan penduduk 1,057 orang per satu kilometer persegi.

Paroi merupakan sebuah kawasan dalam mukim Ampangan di daerah Seremban, Negeri Sembilan. Kawasan ini terletak kira-kira 8 kilometer dari pusat bandar Seremban dan berhampirandengan kawasan Senawang dan Ampangan iaitu kedua-dua kawasan ini juga berada dalam mukim Ampangan. Kawasan Paroi ini mula berkembang dan menerima limpahan dari pembangunan pusat bandar Seremban sejak pertengahan 1980 an. Dalam pada itu, Paroi terkenal dengan infrastruktur sukannya di mana di kawasan ini terletak Kompleks Belia dan Sukan Negeri, Stadium Tuanku Abdul Rahman, Centre Court dan Pusat Akuatik Negeri.



Rajah 1: Peta Kawasan DUN (N.25) Paroi, Rembau, Negeri Sembilan

Keadaan geografi di sini adalah mempunyai suhu dan iklim sederhana. Bentuk muka buminya adalah tanah pamah dan berbukit. Purata pendapatan isi rumah bagi kawasan ini setakat yang dilaporkan pada 2019 adalah RM7,143 dengan insiden kemiskinan 2.3 peratus. Kadar penyertaan buruh bagi kawasan ini adalah 64.8 peratus dan kadar pengangguran yang dicatat adalah 3.4 peratus pada tahun 2021. Kemudahan sosial yang disediakan di kawasan ini adalah terdiri daripada sebuah klinik kesihatan dan sebuah klinik komuniti yang menjadikan kemudahan kesihatan yang terdapat di Paroi adalah dua pusat kesihatan. Bagi akses kepada pendidikan sebanyak 10 buah sekolah rendah dan 4 sekolah rendah beroperasi di kawasan ini. Antara kemudahan awam yang lain terdapat di kawasan Paroi ini adalah stesen minyak, kedai dobi, kedai runcit, klinik gigi swasta, tadika swasta, farmasi dan bengkel kereta.

Dari segi geografi pilihan raya, DUN Paroi (N.25) merangkumi 12 kawasan Daerah Mengundi (Lihat Rajah 1). ADUN N.25 Paroi bagi PRU-12 (2008) ialah Mohamad Taufek Abd Ghani dari Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Beliau menang dengan memperoleh 8,316 undi mengalahkan calon BN-UMNO iaitu Zaharudin Mohd Shariff dengan majoriti 1,107 undi. Namun begitu, pada PRU-13 (2013) Mohamad Taufek (PAS) tewas kepada calon daripada BN-UMNO iaitu Mohd Ghazali Wahid dengan majoriti 2,184 undi. Pada PRU-14 (2018) pula, Mohamed Taufek memenangi kembali kawasan DUN Paroi tetapi kali ini beliau bertanding di bawah tiket PH-Parti Amanah Negara mengalahkan calon daripada BN-UMNO iaitu Mohd Ghazali Abd Wahid dan calon daripada PAS iaitu Masita Mohamed Ali dengan majoriti 4,841 undi. Kemudian pada PRN-15, 2023, calon PN-PAS iaitu Kamarol Ridzuan pula berjaya menawan kawasan ini dengan majoriti 5,539 undi menewaskan calon PH-AMANAH iaitu Norwani Ahmat dan calon Bebas (Syakir Fitri). Justeru, kajian ini dijalankan di DUN Paroi kerana ingin menganalisis dinamika atau perubahan politik pilihan raya yang terjadi seiring peredaran masa.

4. Dapatan dan Perbincangan

Analisis dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif bagi menghuraikan objektif khusus untuk kajian 'Dinamika Politik Pilihan Raya di Kawasan Dun Paroi, Rembau, Negeri Sembilan'. Tiga objektif khusus bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti sumber maklumat politik responden, mengkaji perubahan politik yang berlaku di kawasan kajian antara PRU 2018 sehingga PRN 2023 serta menganalisis sentimen semasa di kawasan kajian. Oleh itu, hasil yang diperoleh daripada soal selidik dan temu bual ini dapat mengukuhkan dapatan kajian.


4.1 Sumber Maklumat Politik Pilihan Raya

Sumber maklumat merupakan perkara penting dalam mempengaruhi individu bagi membentuk

pemikiran seterusnya sokongan individu kepada mana-mana pihak. Menurut De Vreese & Moeller (2014) mengatakan bahawa penggunaan media boleh mempengaruhi pengetahuan politik, norma dan nilai, sikap, dan penyertaan politik seseorang. Sumber maklumat politik pilihan raya yang digunakan bagi pengundi di kawasan DUN Paroi boleh dilihat dalam beberapa jenis sumber maklumat


4.1.1 Media cetak

Hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden mendapatkan sumber maklumat politik melalui akhbar harian perdana Bahasa Melayu iaitu sebanyak 76.5 peratus (Lihat Rajah 2). Hal ini demikian kerana, kawasan DUN Paroi kebanyakannya terdiri daripada etnik Melayu dan akhbar harian perdana Bahasa Melayu seperti Berita Harian, Sinar Harian, Utusan Malaysia dan HarianMetro mudah diperolehi di sekitar Paroi. Hal ini juga dipengaruhi oleh responden di DUN Paroi yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama mereka dan menyebabkan mereka mendapatkan sumber maklumat politik melalui saluran media cetak seperti akhbar harian perdana Bahasa Melayu. Namun, terdapat juga responden yang tidak mendapatkan sumber politik daripada akhbar harian perdana Bahasa Melayu disebabkan oleh kekangan waktu untuk mendapatkan akhbar harian perdana secara fizikal dan juga ada yang beranggapan bahawa akhbarharian seperti Berita Harian dan Utusan Malaysia telah dikawal oleh pihak tertentu dan menjadikan maklumat yang disampaikan bersifat berat sebelah.



Rajah 2: Sumber maklumat politik daripada akhbar harian perdana Bahasa Melayu
(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Rajah 3 menunjukkan jumlah responden yang mendapatkan sumber maklumat politik daripada media cetak yang kebanyakan responden mendapatkan sumber maklumat politik melalui akhbar harian perdana Bahasa Melayu iaitu sebanyak 76.5 peratus, diikuti oleh akhbar Bahasa Tamil (12.5 peratus), akhbar harian perdana Bahasa Inggeris (5.5 peratus), akhbar alternatif/politik (3 peratus) dan akhbar Bahasa Cina (2.5 peratus).




Rajah 3: Sumber maklumat politik daripada media cetak
(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

4.1.2 Media elektronik

Rajah 4 menunjukkan sumber maklumat politik melalui media elektronik oleh responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa siaran televisyen arus perdana (74.5 peratus) merupakan antara media


elektronik menjadi pilihan utama oleh responden di DUN Paroi. Radio (12 peratus) pula merupakan pilihan kedua yang menjadi saluran responden bagi mendapatkan sumber maklumat politik, diikuti oleh Astro Awani (6 peratus), Bernama TV (4 peratus) dan Al-Hijrah (3.5 peratus). Melalui hasil yang diperoleh, pengkaji mendapati kajian ini selaras dengan kajian yang telah dijalankan oleh Samsudin (2010) yang telah menyatakan bahawa secara keseluruhannya majoriti responden telah memilih televisyen sebagai sumber utama untuk mendapatkan maklumat pilihan raya.



Rajah 4: Sumber maklumat politik daripada media elektronik
(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

4.1.3 Media online/sosial


Bagi sumber maklumat politik melalui media sosial, didapati bahawa kebanyakan responden telah mendapatkan sumber maklumat politik melalui *Facebook* (25.5 peratus), *Tiktok* (22 peratus), *Whatsapp* (18 peratus), *Telegram* (16.5 peratus), *Twitter* (9 peratus) dan *Youtube* (6 peratus) (Lihat Rajah 5). Keadaan ini disebabkan sesetengah maklumat dari pelbagai sumber sama ada laporan pro-kerajaan atau anti-kerajaan boleh diakses melalui media sosial dan laman web. Sesetengah responden berpendapat bahawa mereka boleh bebas berfikir, meluahkan pendapat serta menilai kebenaran sumber maklumat politik dalam media sosial kerana kebanyakan maklumat yang tersebar di ICT adalah berbentuk maklumat mentah yang perlu diberikan tafsiran (Junaidi & Mazlan 2016).



Rajah 5: Sumber maklumat politik daripada media alternatif
(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

4.1.4 Lain-lain


Bagi sumber maklumat politik lain, dapatan kajian menunjukkan bahawa 24 peratus responden mendapatkan sumber maklumat politik daripada rakan/sahabat, diikuti oleh ahli keluarga (22 peratus) serta ibu bapa (20 peratus), taklimat/ceramah daripada pemimpin setempat (18 peratus) serta *influencer* (16 peratus) (Rujuk Rajah 7). Kajian ini selaras dengan kajian yang telah dijalankan oleh Samsudin (2010) yang menyatakan bahawa sumber peribadi seperti rakan-rakan juga boleh mempengaruhi pola pengundian individu. Dalam konteks ini, 45 hingga 60 peratus daripada pelbagai etnik di Malaysia menyatakan mereka menerima sumber maklumat politik daripada kawan-kawan mereka.




Rajah 6: Sumber maklumat politik daripada sumber lain
(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

4.2 Perubahan Politik yang berlaku di DUN Paroi antara PRU 2018 dan PRN 2023

Analisis perubahan politik pilihan raya yang berlaku antara PRU 2018 dan PRN 2023 dapat dilihat melalui jumlah undi yang diperolehi bagi parti utama yang bertanding. Menerusi keputusan pilihanraya bagi PRU 2018 di DUN Paroi, pengkaji mendapati Parti Keadilan Rakyat (PKR) menerima undi yang paling banyak berbanding parti lain dengan mendahului sebanyak 52.1 peratus, diikuti oleh Barisan Nasional (BN) (36.4 peratus) dan Persatuan Islam Se-Tanah Melayu (PAS) (11.4 peratus) (Rujuk Rajah 7 dan 8). Hal ini berlaku disebabkan oleh isu nasional seperti IMDB dan GST merupakan modal berkempen yang kuat dan kerap digunakan oleh PKR dalam kempen mereka di samping isu pemilikan tanah (Junaidi et al. 2021)




Rajah 7: Peratus undian bagi PRU 2018 bagi setiap parti yang bertanding di DUN Paroi




Rajah 8: Helaian Mata (Score Sheet) bagi setiap parti yang bertanding mengikut daerah mengundi di DUN Paroi

Namun begitu, pada PRN 2023, hasil daripada keputusan pilihan raya menunjukkan perubahan yang berlaku di kawasan ini apabila Perikatan Nasional berjaya menawan Paroi dengan mendahului sebanyak 55.3 peratus di hadapan Pakatan Harapan (42.5 peratus) dan parti Bebas (2.2 peratus) (Lihat Rajah 9 dan 10). Faktor kemenangan ini juga berkait rapat dengan sentimen semasa berkaitan dengan hak ketuanan orang Melayu dan skandal yang membabitkan pengerusi UMNO iaitu Zahid Hamidi. Dalam pada itu juga, perubahan politik yang berlaku ini juga seiring dengan kemahuan rakyat dimana sebanyak 96 peratus responden menganggap perubahan politik mencerminkan keperluan atau aspirasi rakyat. Melalui hasil kajian, pengkaji mendapati bahawa pengundi di kawasan ini tidak takut untuk melakukan perubahan.



Rajah 9: Peratus undian bagi PRN 2023 bagi setiap parti yang bertanding di DUN Paro

i




Rajah 10: Helaian Mata (Score Sheet) bagi setiap parti yang bertanding mengikut daerah mengundi di DUN Paroi

4.3 Sentimen Politik Semasa

Hasil kajian mendapati, pandangan responden terhadap isu politik pilihan raya di negara kini adalah 'rakyat muak dan kecewa dengan isu politik pilihan raya sekarang' iaitu sebanyak 73 peratus (Lihat Rajah 11). Rata-rata responden meluahkan rasa tidak senang dengan senario politik tempatan akibat daripada ahli politik menggunakan isu yang sensitif berkaitan dengan 3R iaitu kaum, agama dan raya yang dilihat mampu memecah belahkan dan menggugat keharmonian negara yang berbilangkaum. Peratusan yang

tinggi ini juga dikuatkan lagi dengan kos sara hidup yang semakin meningkat dan rakyat menilai pemimpin tidak cekap dalam mengatasi masalah ekonomi negara. Namun begitu, rakyat masih lagi mempunyai harapan terhadap politik tempatan di mana sebanyak 25 peratus responden memilih 'rakyat berminat, ingin ambil tahu dan faham dengan isu politik pilihan raya sekarang'. Manakala sebanyak 2 peratus responden mencatatkan tidak pasti di atas sentimen politik semasa.



Rajah 11: Sentimen politik semasa mengenai pandangan terhadap isu politik pilihan raya didalam negara

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, perubahan atau dinamika politik pilihan raya yang berlaku di kawasan ini dapat dilihat melalui tingkah laku pengundi mengundi calon mereka berdasarkan isu semasa dan sentimen yang berlaku di senario politik. Hasil dapatan menunjukkan bahawa responden cakna dan mengetahui isu yang sedang berlaku menerusi media seperti media online, media elektronik dan sebagainya. Dalam pada itu juga, majoriti responden yang disoal selidik berpendapat bahawa pilihan raya merupakan medium yang penting kepada rakyat di negara ini kerana dapat menjamin keamanan dan kestabilan negara. Dengan itu, pengundi harus memainkan peranan penting bagi memilih pemimpin yang bertanggungjawab demi masa depan negara. Oleh itu, kajian ini merupakan sebuah kajian berilmiah yang penting untuk pengetahuan, menambahkan data baru dalam politik pilihan raya, strategi pelaksanaan dasar, rujukan pengkaji akan datang serta bahan bacaan untuk masyarakat supaya mereka sedar akan kepentingan dinamika dalam politik pilihan raya.

Rujukan

Ab. Rahim Tahir. (1995). *Analisis 1995: Perangkap BN tahun 2000*. Ampang: Citakhidmat (M) Sdn. Bhd.

- Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, Nor Ain Mat Nor & Nur Hannah Ahmad Zainy. (2019). Kerana Nila? Kekalahan Barisan Nasional di Negeri Sembilan. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (Pnyt). *Pilihan Raya Umum ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Aurel Croissant, A. & Pojar, D.J. (2005). Quo vadis Thailand? Thai Politics after the 2005 parliamentary Election. *Strategic Insights* 4(6): 1-9.
- De Vreese, C. H., & Moeller, J. (2014). Communication and political socialization. Dalam C. Reinemann (Pnyt.), *Political communication* (ms. 529–546). Berlin: De Gruyter.
- Edmund Terence Gomez. (1996). *The 1995 Malaysian General Elections: A Report and Commentary*. Occasional Paper No.93 Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Ilias Husin. (2011). Pembangunan Sosioekonomi dan Impak Geopolitik: Satu Kajian di Kelantan. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Izairuddin Isnin, Muhammad Nadzri Mohamed Noor & Jamaie Haji Hamil. (2022). Politik Melaka kontemporari: analisis pilihan raya umum negeri Melaka 2021. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 18(1): 118-130.
- Junaidi Awang Besar & Mazlan Ali (2016). Kebangkitan PAS di Terengganu. Dlm. Muhamad Takiyuddin Ismail, Sity Daud (Editor). *Pilihan Raya Umum Ke-13: Kesenambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Junaidi Awang Besar, Mokhtar Jaafar & Mokhtar Ahmad. (2021). Politik pilihan raya dalam PRU- 14 dan pasca PRU-14 di Negeri Sembilan. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 17(2): 206-220
- Junaidi Awang Besar. (2015). Impak sumber maklumat terhadap sokongan kepada parti politik: kajian empirikal PRU di Malaysia. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 11(8): 90-99.
- Lim Teck Ghee. (2018). From GE13 to GE14 and Beyond. In *Anatomy of an Electoral Tsunami*. Adt.Lim Teck Ghee, S. Thayaparan & Terence Netto. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Mc Gee, T.G. (1962). The Malayan elections of 1959: A study in electoral geography. *The Journal of Tropical Geography* 16: 70-99.
- Patricia Otero-Felipe. (2014). The 2013 Honduran General Election. *Electoral Studies* 1-6.
- Patterson. C.C. (2020). Using newspaper content to understand media representations of health issues and inform improved health policy advocacy. PhD thesis. University of Glasgow
- Samsudin A. Rahim (2010). Media, Demokrasi dan Generasi Muda: Analisis Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 26(2), 1- 15.
- Sara, C. (2018). Pilihan raya dan impak media sosial. *Berita Harian (Kolumnis)*, 2 Mei.
- Turner, R., Thia, M.S.D., & Gary, M. (2018). Voting preferences in the 2016 election. *Annual meeting of the society for personality and social psychology*. Atlanta, United States of America.
- Wong Pooi Ling. (2000). Perilaku pengundi Cina dalam pilihan raya 1999: satu kajian kes di DUN Rahang, Negeri Sembilan. Latihan Ilmiah, Jabatan

Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Yusop Khan Loth Khan. (2000). *Nostalgia Pilihan Raya 1995-1999: Perjalanan Menuju Abad 21*. Pulau Pinang: Zainol Ahmad Resource Center.